



RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

TARIKH KUAT KUASA: 01 MEI 2022

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka Surat
1. PENGENALAN	1
2. KUASA YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG	2
3. APA ITU AUDIT CUKAI?	4
4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI	5
5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI	6
6. PEMILIHAN KES	6
7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI	6
7.1 Tindakan Awal Audit	6
7.2 Lawatan Audit	8
7.3 Tempoh Lawatan Semakan Menyeluruh	9
7.4 Semakan Rekod	9
7.5 Penyelesaian Audit	11
7.6 Pengakuan Sukarela	13
8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB	14
8.1 LHDNM	14
8.2 Pembayar Cukai	15
8.3 Ejen Cukai Berdaftar	17
9. KERAHSIAAN MAKLUMAT	18
10. KESALAHAN DAN PENALTI	19
11. PENGADUAN	20
12. PROSEDUR BAYARAN	21
13. RAYUAN	21
14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN	22

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI
KEWANGAN DAN INSURANS**
Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

1. PENGENALAN

- 1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas dan kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pengelakan cukai hendaklah diambil tindakan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 1.2 Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Seseorang pembayar cukai boleh dipilih untuk diaudit pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sekiranya seorang pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit ini tidak bermaksud pembayar cukai tersebut telah melakukan kesalahan.
- 1.3 Rangka Kerja Audit Cukai – Kewangan dan Insurans (Rangka Kerja Audit Cukai) yang dikeluarkan oleh LHDNM bertujuan untuk memastikan audit cukai ke atas pembayar cukai dalam Industri Kewangan dan Insurans dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama. Rangka Kerja Audit Cukai ini menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit, pembayar cukai dan ejen cukai. Secara umumnya, rangka kerja ini bertujuan untuk:
 - a. membantu pegawai audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan; dan
 - b. membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka.
- 1.4 Rangka Kerja Audit Cukai ini terpakai kepada industri berikut:
 - 1.4.1 Industri Kewangan
 - a. Industri Kewangan / Kewangan Islam

Terdiri daripada Institusi Kewangan / Kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI
KEWANGAN DAN INSURANS**
Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

b. Perantara Kewangan / Kewangan Islam

Terdiri daripada pajakan kewangan, *factoring*, perkhidmatan kad kredit, broker stok, saham dan bon, operasi dan perkhidmatan kawalan pasaran kewangan dan perantara kewangan lain.

1.4.2 Industri Insurans

a. Industri Insurans / Takaful

Terdiri daripada syarikat pengendali insurans hayat dan insurans am / syarikat pengendali takaful keluarga dan takaful am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

b. Perantara Insurans / Takaful

Terdiri daripada syarikat broker insurans / takaful, pelaras insurans / takaful (*loss adjuster*) dan syarikat ejen insurans / takaful berlesen yang berdaftar dan dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

2. KUASA YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG

2.1 Peruntukan undang-undang di bawah ACP yang diguna pakai dalam audit cukai secara umum adalah merujuk kepada:

- a. Subseksyen 39(1A) : Potongan tidak dibenarkan jika maklumat yang diminta oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengikut notis di bawah seksyen 81 ACP tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan.
- b. Seksyen 60 : Perniagaan Insurans.
- c. Seksyen 60A : Insurans Semula: Pendapatan yang boleh dikenakan cukai, kadar yang dipotong dan dividen yang dikecualikan.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- d. Seksyen 60AA : Perniagaan Takaful.
- e. Seksyen 60AB : Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi kumpulan wang hayat yang tertakluk kepada cukai.
- f. Seksyen 60C : Perniagaan Perbankan.
- g. Seksyen 78 : Kuasa meminta penyata khusus dan pengemukaan buku-buku tertentu.
- h. Seksyen 79 : Kuasa untuk meminta penyata akaun bank dan sebagainya.
- i. Seksyen 80 : Kuasa untuk mengakses bangunan, dokumen dan sebagainya.
- j. Seksyen 81 : Kuasa untuk meminta maklumat.
- k. Seksyen 82 : Kewajipan penyimpanan rekod dan mengemukakan resit.
- l. Seksyen 82A : Kewajipan penyimpanan dokumen bagi penentuan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan cukai kena bayar.
- m. Seksyen 97A(2) & Seksyen 99 : Hak untuk merayu.
- n. Seksyen 100 : Lanjutan masa bagi rayuan.
- o. Seksyen 101 : Kajian semula oleh Ketua Pengarah.
- p. Seksyen 102 : Penyelesaian rayuan.
- q. Seksyen 112 : Kesalahan bagi kegagalan mengemukakan Borang Nyata (BN).
- r. Seksyen 113 : Kesalahan bagi pengemukaan penyata yang tidak betul.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- s. Seksyen 116 : Kesalahan bagi memberi atau menyebabkan halangan kepada pegawai.
 - t. Seksyen 119A : Kesalahan bagi kegagalan menyimpan rekod.
 - u. Seksyen 120 : Kesalahan-kesalahan lain.
 - v. Seksyen 138 : Perkara-perkara tertentu dianggap sebagai rahsia.
 - w. Seksyen 138A : Ketetapan umum.
 - x. Seksyen 140 : Kuasa untuk tidak mengambil kira transaksi-transaksi tertentu.
 - y. Seksyen 141 : Kuasa berhubung transaksi-transaksi tertentu oleh bukan pemastautin.
- 2.2 Kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang berkenaan dengan audit cukai bagi Industri Kewangan dan Insurans tidak hanya terhad kepada peruntukan undang-undang tersebut di atas. Ia juga meliputi keseluruhan ACP, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan akta-akta lain yang ditadbir oleh LHDNM.

3. APA ITU AUDIT CUKAI?

- 3.1 Audit cukai ialah semakan / pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan dan cukai yang sepatutnya dikira serta dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. LHDNM menjalankan dua (2) kaedah semakan audit, iaitu semakan umum dan semakan menyeluruh.
- a. Semakan Umum
 - i. Semakan umum dijalankan di pejabat LHDNM. Ia melibatkan isu-isu atau pelarasan pendapatan dan cukai yang boleh diselesaikan melalui surat

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

menyurat. Pembayar cukai mungkin dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemuduga sekiranya maklumat lanjut diperlukan.

- ii. Semakan umum melibatkan semakan / pemeriksaan ke atas semua maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam BN.
- iii. Bagi keadaan tertentu, kes semakan umum boleh dirujuk untuk tindakan semakan menyeluruh. Dalam keadaan tersebut, pembayar cukai akan dimaklumkan sebagaimana proses biasa permulaan sesuatu tindakan semakan menyeluruh dijalankan.

b. Semakan Menyeluruh

Semakan menyeluruh dijalankan sama ada di premis pembayar cukai, pejabat LHDNM atau mana-mana tempat yang dipersetujui oleh pembayar cukai dan LHDNM. Ia melibatkan semakan rekod perniagaan. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan semakan menyeluruh dijalankan.

- 3.2 Secara umum, Rangka Kerja Audit Cukai ini terpakai bagi kedua-dua kaedah semakan iaitu semakan umum dan semakan menyeluruh.

4. OBJEKTIF AUDIT CUKAI

- 4.1 Objektif utama audit cukai ke atas Industri Kewangan dan Insurans ialah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian dan memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah STS. Sehubungan dengan itu, pegawai audit perlu memastikan bahawa pendapatan yang betul telah dilaporkan dan cukai telah dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.
- 4.2 Aktiviti audit cukai adalah satu pendekatan LHDNM untuk memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai Industri Kewangan dan Insurans terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah peruntukan ACP.

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI
KEWANGAN DAN INSURANS**
Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

5. TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI

- 5.1 Audit cukai dijalankan secara audit menyeluruh dan boleh meliputi sehingga tiga (3) tahun taksiran.
- 5.2 Walau bagaimanapun, tahun-tahun taksiran yang diliputi untuk membangkitkan taksiran boleh dilanjutkan sehingga lima (5) tahun taksiran kebelakang bergantung kepada isu-isu audit yang ditemui. Had bagi tempoh liputan ini tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan (*fraud*), keingkaran sengaja (*wilful default*) atau kecuaian (*negligence*) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 91(3) ACP.

6. PEMILIHAN KES

- 6.1 Pemilihan kes audit cukai dilakukan melalui sistem komputer berdasarkan kepada kriteria penilaian risiko dan / atau berdasarkan kepada pelbagai punca maklumat yang diterima.
- 6.2 Antara asas yang digunakan dalam pemilihan kes adalah seperti berikut:
 - a. pemilihan melalui kriteria penilaian risiko;
 - b. maklumat yang diterima daripada pihak ketiga; dan
 - c. pemilihan berdasarkan isu-isu khusus dan sebagainya.

7. PELAKSANAAN AUDIT CUKAI

7.1 Tindakan Awal Audit

- 7.1.1 Surat Memohon Dokumen dan Maklumat akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau faks atau pos bagi mendapatkan dokumen dan maklumat.
- 7.1.2 Bagi kes yang memerlukan pembayar cukai mengemukakan dokumen dan maklumat, pembayar cukai dikehendaki memberikan maklum balas dalam tempoh 14 hari kalender dari tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan, tindakan audit akan diteruskan dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian.

- 7.1.3 Bagi kes semakan menyeluruh, Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sekurang-kurangnya 14 hari kalendar sebelum tarikh lawatan.
- 7.1.4 Sekiranya Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat permohonan untuk menangguhkan tarikh lawatan audit atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakkan.
- 7.1.5 Surat Pemberitahuan Lawatan Pematuhan akan mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. tarikh lawatan;
 - b. rekod-rekod yang perlu disediakan;
 - c. tahun taksiran yang akan diaudit;
 - d. nama pegawai audit; dan
 - e. jangka masa lawatan.
- 7.1.6 Pembayar cukai boleh menghubungi Pengarah Seksyen / Pengarah Bahagian Kewangan atau Insurans / Pengarah Cawangan Industri Khusus bagi tujuan pengesahan lawatan audit tersebut.
- 7.1.7 LHDNM boleh mengadakan lawatan ke mana-mana premis pembayar cukai atau berkaitan pembayar cukai dengan memaklumkan kepada pembayar cukai terlebih dahulu.
- 7.1.8 Semakan audit dengan pemakluman boleh dipanjangkan ke atas syarikat / perniagaan berkaitan atau yang mempunyai kawalan oleh pembayar cukai.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- 7.1.9 Sekiranya tiada lawatan audit dibuat, Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes akan dikeluarkan kepada pembayar cukai bagi memaklumkan tarikh permulaan pengiraan tempoh penyelesaian kes audit.

7.2 Lawatan Audit

- 7.2.1 Lawatan audit hanya terpakai bagi kaedah semakan menyeluruh sahaja. Semakan audit boleh dilaksanakan di tempat seperti berikut:

- a. premis perniagaan pembayar cukai / ejen cukai;
- b. pejabat LHDNM; atau
- c. tempat lain yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- 7.2.2 Semasa lawatan audit, pegawai audit akan:

- a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM;
- b. memberitahu tujuan lawatan kepada pembayar cukai di peringkat awal lawatan;
- c. memaklumkan kepada pembayar cukai / ejen cukai bahawa di bawah seksyen 80 ACP, pegawai berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
 - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan
 - ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen tanpa membuat apa-apa bayaran.
- d. memberitahu skop dan tempoh semakan / pemeriksaan dokumen yang perlu diambil untuk audit;

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- e. memberitahu nama, nombor telefon pejabat pegawai dan pegawai kanan yang mengawasi pengauditan;
- f. memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai semasa pengauditan dijalankan;
- g. membuat semakan / pemeriksaan dokumen di tempat-tempat yang dilawati;
- h. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
- i. menemuduga pembayar cukai serta orang-orang yang berkenaan di premis yang dilawati.

7.2.3 Dalam keadaan tertentu, lawatan audit tidak akan dibuat di premis pembayar cukai dan semakan dokumen hanya dilaksanakan di pejabat LHDNM.

7.3 Tempoh Lawatan Semakan Menyeluruh

Tempoh masa yang diambil untuk mengaudit adalah antara satu (1) hingga tiga (3) hari. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut mungkin dilanjutkan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- a. saiz dan kerumitan transaksi perniagaan yang dijalankan;
- b. bentuk rekod yang disimpan; atau
- c. tahap kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai.

7.4 Semakan Rekod

7.4.1 Semasa proses pengauditan, pegawai audit hendaklah dibenarkan menyemak transaksi yang penting dan berisiko serta mengambil dokumen sokongan sebagai bukti audit. Semakan tidak akan melibatkan rekod bagi tahun taksiran yang telah luput tempoh masa.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- 7.4.2 Dalam keadaan tertentu pegawai audit juga perlu menyemak rekod-rekod selain daripada rekod perniagaan pembayar cukai.
- 7.4.3 Di bawah peruntukan seksyen 80 ACP, pegawai audit dibenarkan mengakses sepenuhnya rekod-rekod pembayar cukai. Sekiranya perlu, pegawai audit hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.
- 7.4.4 Sekiranya terdapat keperluan untuk pengambilan dokumen dan rekod asal pembayar cukai oleh pegawai audit, pegawai audit akan menyediakan senarai dan akuan terimaan pengambilan dokumen dan rekod yang ditandatangani oleh pegawai audit dan pembayar cukai atau wakil pembayar cukai. Pembayar cukai boleh menyemak dokumen dan rekod tersebut serta membuat salinan ke atas senarainya (jika perlu).
- 7.4.5 Sekiranya buku dan rekod perakaunan disimpan secara elektronik, pegawai audit dibenarkan mengakses sistem komputer, server atau gajet serta memuat turun data-data perakaunan tersebut ke dalam cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- 7.4.6 Pegawai audit akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan amaun pendapatan yang betul telah dilaporkan. Rekod-rekod tersebut secara umumnya adalah seperti berikut:
 - a. Rekod Perniagaan

Pembayar cukai boleh mendapatkan panduan berhubung dengan simpanan rekod melalui ketetapan umum yang dikeluarkan oleh LHDNM.

Menurut seksyen 138A ACP, KPHDN diberi kuasa untuk mengeluarkan ketetapan umum bagi menjelaskan interpretasi sesuatu peruntukan yang terkandung dalam ACP.

Ketetapan Umum berkaitan penyimpanan rekod yang telah dikeluarkan ialah Ketetapan Umum LHDNM No. 4/2000 (Dipinda): Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Syarikat dan Koperasi) (Pindaan).

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- 7.4.7 Peruntukan seksyen 82 dan 82A ACP menghendaki pembayar cukai menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan ditentukan. Rekod dan dokumen adalah termasuk:
- a. buku akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;
 - b. penyata Kewangan;
 - c. invois, baucar, resit dan sebarang dokumen lain yang perlu untuk mengesahkan mana-mana perkara yang direkodkan dalam buku akaun;
 - d. dokumen, objek, bahan-bahan, artikel dan benda yang dikendalikan dan disimpan dalam bentuk medium elektronik; dan
 - e. sebarang rekod lain yang ditetapkan oleh KPHDN.
- 7.4.8 Kegagalan mematuhi subseksyen 82(1), 82(3) dan 82(5) ACP untuk menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap adalah satu kesalahan di bawah seksyen 119A ACP.
- 7.4.9 Sekiranya pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, pegawai audit akan menggunakan kaedah atau pendekatan alternatif yang terbaik bagi menentukan sesuatu pendapatan tersebut telah dilaporkan dengan betul dan sepatutnya.

7.5 Penyelesaian Audit

- 7.5.1 Pembayar cukai boleh diminta hadir ke pejabat LHDNM bagi membincangkan isu penemuan audit yang terlibat.
- 7.5.2 Selain itu, pembayar cukai boleh hadir sendiri ke pejabat LHDNM bagi mendapatkan penjelasan berkenaan perkembangan proses audit atau memberikan maklumat lanjut bagi mempercepatkan penyelesaian audit.
- 7.5.3 Pembayar cukai akan dimaklumkan secara bertulis melalui Surat Penemuan Semakan Kes meliputi perkara-perkara berikut:

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- a. isu-isu audit yang dibangkitkan; dan
 - b. sebab-sebab dan rasional tentang isu-isu yang dibangkitkan.
- 7.5.4 Pembayar cukai akan diberi peluang untuk memberi maklum balas dan penjelasan berkenaan dengan penemuan audit.
- 7.5.5 Jika pembayar cukai tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, pembayar cukai boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh 18 hari kalender dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.
- 7.5.6 Bantahan pembayar cukai akan disemak dan pembayar cukai akan dimaklumkan sewajarnya berkenaan penemuan audit yang dimuktamadkan.
- 7.5.7 Jika tiada bantahan diterima dalam tempoh 18 hari kalender dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes, pembayar cukai dianggap telah bersetuju dengan penemuan audit tersebut.
- 7.5.8 Jumlah pelarasan pendapatan, cukai dan penalti (jika ada) dan tahun-tahun taksiran yang terlibat akan dimaklumkan melalui Surat Penyelesaian Kes. Seterusnya notis taksiran cukai atau pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan.
- 7.5.9 Sekiranya tiada pelarasan dibuat, surat memaklumkan tentang penyelesaian audit tanpa pelarasan akan dikeluarkan.
- 7.5.10 Kes audit cukai perlu diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

Kewangan / Kewangan Islam	
Aktiviti Perniagaan	Tempoh Penyelesaian
Bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan institusi kewangan lain.	240 hari kalender dari permulaan tarikh lawatan audit atau tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan, mana-mana yang berkenaan.

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI
KEWANGAN DAN INSURANS**
Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

Kewangan / Kewangan Islam	
Aktiviti Perniagaan	Tempoh Penyelesaian
Pajakan kewangan, <i>factoring</i> , perkhidmatan kad kredit, broker stok, saham dan bon, operasi dan perkhidmatan pasaran kewangan / perantara kewangan lain.	90 hari kalender dari permulaan tarikh lawatan audit atau tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan, mana-mana yang berkenaan.

Insurans / Takaful	
Aktiviti Perniagaan	Tempoh Penyelesaian
Perniagaan Insurans dan Takaful termasuk <i>Re-Insurance</i> dan <i>Re-Takaful</i> .	240 hari kalender dari permulaan tarikh lawatan audit atau tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan, mana-mana yang berkenaan.
Perniagaan sebagai broker, ejen dan <i>adjuster</i> .	90 hari kalender dari permulaan tarikh lawatan audit atau tarikh Surat Penentuan Permulaan Tempoh Penyelesaian Kes dikeluarkan, mana-mana yang berkenaan.

Sekiranya terdapat kes yang melebihi tempoh yang dinyatakan di atas untuk diselesaikan, pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDNM.

- 7.5.11 Kes audit yang telah diselesaikan tidak akan diaudit semula bagi tahun taksiran dan isu yang sama. Walau bagaimanapun jika terdapat isu-isu yang lain atau maklumat baharu yang diterima bagi tahun taksiran berkenaan, pengauditan semula boleh dijalankan.

7.6 Pengakuan Sukarela

- 7.6.1 Pengakuan sukarela bermaksud pembayar cukai membuat pengakuan sukarela selepas tarikh akhir pengemukaan BN secara bertulis melalui surat atau media elektronik pada bila-bila masa iaitu **sebelum tindakan audit bermula**.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- 7.6.2 Tindakan audit bermula bermaksud tindakan pada tarikh Surat Memohon Dokumen dan Maklumat yang mana surat tersebut akan dikeluarkan kepada pembayar cukai melalui e-mel rasmi atau faks atau pos bagi tujuan pertanyaan atau mendapatkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan isu audit.
- 7.6.3 Pengakuan sukarela ini hanya ditawarkan kepada pembayar cukai yang mengemukakan BN sahaja.
- 7.6.4 Semua pengakuan sukarela hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Cawangan Industri Khusus LHDNM.

8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

8.1 LHDNM

- 8.1.1 Pegawai audit dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM seperti berikut dalam menjalankan tugasnya:
 - a. profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;
 - b. sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja pengauditan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai;
 - c. berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;
 - d. bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada pembayar cukai;
 - e. memastikan pelaksanaan audit berjalan lancar dengan penggunaan masa yang optimum;
 - f. meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
 - g. memberi penjelasan ke atas penemuan semakan kes serta memberi peluang kepada pembayar cukai memberi penjelasan dan maklum

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

balas ke atas isu-isu yang dipertikaikan di dalam tempoh yang ditetapkan; dan

- h. memastikan hak dan kepentingan pembayar cukai, ejen cukai dan dokumen-dokumen pembayar cukai terpelihara.

8.1.2 Pengenalan diri pegawai audit:

- a. setiap pegawai audit diberikan kad kuasa yang tertera nama dan gambar. Kad ini juga mengandungi kenyataan bahawa pegawai berkenaan diberi kuasa menyemak buku-buku akaun, dokumen serta rekod di premis pembayar cukai;
- b. pembayar cukai dinasihatkan untuk memeriksa kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti pegawai audit; dan
- c. pembayar cukai boleh menyemak dengan Pengarah Cawangan Industri Khusus jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti pegawai audit.

8.1.3 Pegawai audit dilarang:

- a. mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan terhadap perniagaan pembayar cukai yang diaudit;
- b. mengesyorkan kepada pembayar cukai untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen bagi sesuatu kes audit; dan
- c. menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 118 ACP.

8.2 Pembayar Cukai

8.2.1 Tanggungjawab pembayar cukai:

- a. memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- b. menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan pegawai audit menjalankan tugas sebagaimana yang digariskan dalam Ketetapan Umum No. 7/2000 yang antaranya adalah seperti berikut:
 - i. membenarkan pegawai audit memasuki premis perniagaan, memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
 - ii. memberi penerangan berhubung dengan perniagaan, sistem perakaunan dan maklumat;
 - iii. memberi kebenaran menyemak dan menyalin rekod, dokumen dan buku akaun sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;
 - iv. membantu menyediakan dan / atau mengakses rekod, dokumen, buku akaun yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik; dan
 - v. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti, cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- c. Memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:
 - i. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, pembayar cukai boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit;
 - ii. pembayar cukai dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACP sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

8.2.2 Pembayar cukai adalah dilarang:

- a. memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit dan berurus niaga dengan pegawai audit sepanjang tempoh pengauditan dijalankan;

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

- b. membuat sebarang bentuk bayaran kepada pegawai audit; dan
- c. menghalang pegawai audit daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 116 ACP yang melibatkan perkara-perkara berikut:
 - i. menghalang atau enggan membenarkan pegawai audit memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 80 ACP;
 - ii. menghalang pegawai audit untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah ACP;
 - iii. enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai audit;
 - iv. gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada pegawai audit dalam menjalankan tugasnya; atau
 - v. enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa audit dijalankan.

8.3 Ejen Cukai Berdaftar

- 8.3.1 Pembayar cukai hendaklah mengemukakan surat pelantikan ejen cukai berdaftar yang mewakili mereka. Pembayar cukai boleh meminta ejen cukai berdaftar hadir bersama semasa sesi temuduga dijalankan. Pembayar cukai juga dibenarkan menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temuduga atau perbincangan sekiranya pembayar cukai tidak fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris.
- 8.3.2 Ejen cukai berdaftar adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusuran dan tanggungjawab sosial.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

8.3.3 Dalam melaksanakan tugas mereka, ejen cukai berdaftar hendaklah:

- a. berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
- b. jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai serta sentiasa mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;
- c. tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau kedudukan mereka sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;
- d. sentiasa memberikan maklum balas yang tepat berkenaan perkembangan proses pengauditan dan menasihati pembayar cukai berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
- e. memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat kepada pihak lain (subseksyen 138(1) ACP).

8.3.4 Ejen cukai berdaftar adalah dilarang:

- a. memberikan nasihat yang salah serta bekerjasama dengan pembayar cukai untuk mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya;
- b. melengahkan proses penyelesaian audit cukai atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan
- c. memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit termasuk bagi pihak pembayar cukai.

9. KERAHSIAAN MAKLUMAT

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada pembayar cukai sama ada melalui temuduga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod dan dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan cukai pendapatan sahaja.

10. KESALAHAN DAN PENALTI

- 10.1 Sekiranya terdapat kekurangan atau ketinggalan sebarang pendapatan berikut daripada penemuan audit, penalti boleh dikenakan di bawah subseksyen 113(2) ACP bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang (100%). Namun, bagi maksud Rangka Kerja Audit Cukai ini, penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP dikenakan pada kadar seperti berikut:

Kesalahan	Kadar
Penalti kesalahan pertama	15%
Penalti kesalahan kedua	30%
Penalti kesalahan ketiga dan seterusnya	45%

- 10.2 Walau bagaimanapun, KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara berdasarkan subseksyen 124(3) ACP untuk mengurang atau menghapuskan penalti yang dikenakan.
- 10.3 Penentuan kadar penalti pembayar cukai bagi kesalahan pertama atau kesalahan kedua adalah merujuk kepada rekod pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP **mulai 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022**. Sekiranya pembayar cukai **tidak** dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP dalam tempoh 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022, sebarang penemuan audit mulai 01 Mei 2022 yang melibatkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP akan dianggap sebagai kesalahan pertama (15%). Sebaliknya, jika pembayar cukai **telah** dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP dalam tempoh 01 Januari 2020 sehingga 30 April 2022, sebarang penemuan audit mulai 01 Mei 2022 yang melibatkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP akan dianggap sebagai kesalahan kedua (30%).
- 10.4 Bagi penemuan audit yang melibatkan pelarasian teknikal, penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP atas kekurangan atau ketinggalan sebarang pendapatan **tidak akan dikenakan (0%)**.
- 10.5 Pelarasian teknikal adalah merujuk kepada kes yang melibatkan perbezaan tafsiran perundangan cukai yang ditentukan berdasarkan fakta dan isu setiap kes. Sekiranya LHDNM telah mengeluarkan Ketetapan Umum / Garis Panduan / Nota Amalan / Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan / Perintah Cukai Pendapatan

**RANGKA KERJA AUDIT CUKAI
KEWANGAN DAN INSURANS**
Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

(Pengecualian) / Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan, pertimbangan kepada alasan pelarasan teknikal adalah tidak terpakai.

- 10.6 Sekiranya terdapat **penipuan cukai** yang mana pembayar cukai didapati dengan sengaja membuat pelaporan cukai yang tidak betul, penalti akan dikenakan di bawah subseksyen 113(2) ACP **pada kadar 100%** atas cukai yang terkurang.
- 10.7 Kadar penalti konsesi boleh dikenakan bagi kes-kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat oleh pembayar cukai. Pembayar cukai tidak layak membuat pengakuan sukarela apabila tindakan audit telah bermula.
- 10.8 Kadar penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP bagi kes pengakuan sukarela adalah **15%**. Walau bagaimanapun, jika pembayar cukai telah mengemukakan pengakuan sukarela pertama melalui Borang Nyata Terpinda (BNT) dan selanjutnya membuat **pengakuan sukarela tambahan dalam tempoh enam (6) bulan** dari tarikh akhir pengemukaan BN, kadar penalti bagi pengakuan sukarela tersebut adalah **10%**.

11. PENGADUAN

- 11.1 Pembayar cukai boleh membuat pengaduan jika tidak berpuas hati dengan sikap pegawai audit atau cara-cara pengendalian audit cukai kepada Pengarah Cawangan Industri Khusus / Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai / Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 11.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.
- 11.3 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.
- 11.4 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai atau wakilnya yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Majlis Peguam.

12. PROSEDUR BAYARAN

- 12.1 Sekiranya terdapat pengenaan cukai dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit, bayaran tersebut hendaklah dibuat melalui ejen yang dilantik atau Kaunter Bayaran LHDNM.
- 12.2 Pembayar cukai adalah dikehendaki untuk membuat bayaran penuh terhadap cukai yang dikenakan dan penalti berbangkit daripada pelarasan audit.
- 12.3 LHDNM boleh mempertimbangkan permohonan pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai tambahan dan penalti secara ansuran bagi tempoh yang ditetapkan.
- 12.4 Permohonan bayaran ansuran perlu dikemukakan kepada Pengarah Cawangan Industri Khusus LHDNM untuk kelulusan.
- 12.5 Sekiranya pembayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang dibenarkan atau tempoh ansuran yang dipersetujui, kenaikan cukai akan dikenakan ke atas baki cukai yang tidak dibayar.

13. RAYUAN

- 13.1 Seksyen 97A(2) dan 99 hingga 102 ACP menyediakan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan berhubung dengan taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM.
- 13.2 Pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai, boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyampaian Notis Taksiran / Notis Pemberitahuan Tidak Kena Cukai.
- 13.3 Semua rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Pengarah Cawangan Industri Khusus LHDNM.

RANGKA KERJA AUDIT CUKAI KEWANGAN DAN INSURANS

Tarikh Kuat Kuasa: 01 Mei 2022

14. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

Rangka Kerja Audit Cukai – Kewangan dan Insurans ini berkuat kuasa mulai 01 Mei 2022 dan membatalkan Rangka Kerja Audit Cukai – Kewangan dan Insurans bertarikh 18 November 2020.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

01 Mei 2022